

"Amalan berbuka puasa beramai-ramai di masjid sejak beberapa tahun lalu terus dilaksanakan kerana sentiasa mendapat sambutan menggalakkan warga universiti
Prof Dr Daing Nasir Ibrahim

22-05-2018

timur

65

E

HARIAN METRO

Harian Metro (Timur) 22/5/18, Selasa, 11/5/65

Semarak festival Ramadan

■ Tabung MyGift UMP berjumlah RM129,000 diserahkan kepada pengurusan masjid UMP

Anal Marhaton Abd Ghani
cnews@nstp.com.my

Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) menganjurkan Festival Ramadan dengan menyediakan pelbagai pengisian seperti solat Tarawih, tadarus al-Quran dan iftar jamale sepanjang bulan puasa ini.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, turut diadakan program memasak bubur lambuk dan singgah mesra, siri forum agama seperti Anda Tanya Ustaz Jawab: Ramadan Dalam Bersediakah Kita, kuliah Duha (mengejar Lailatul Qadar) dan seminar Nuzul al-Quran, sekali gus memberi peluang warga kampus dan masyarakat setempat untuk turut serta dan berlagung di kedua-dua kampus di Pekan dan Gambang.



DR Daing Nasir (dua kanan) menyampaikan sumbangan Tabung MyGift UMP kepada Dr Mahyudin di Canselori Tun Abdul Razak, Pekan.

"Sumbangan ini adalah hasil pengumpulan sumbangan dana, tajaan orang perseorangan, badan korporat dan orang ramai menerusi inisiatif Endowment MyGift UMP termasuk penyediaan juadah berbuka puasa (iftar), moreh dan sahur sepanjang

bulan Ramadan ini," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, semalam.

Dr Daing Nasir menyampaikan sumbangan Tabung MyGift UMP berjumlah RM129,000 kepada pengurusan masjid UMP yang diwakili Pengarah PIMPIN Dr

Mahyudin Ismail bagi melaksanakan aktiviti masjid dan mengimarahkan Festival Ramadan, di Canselori Tun Abdul Razak, UMP Pekan.

Beliau berkata, sumbangan itu membantu pengurusan masjid dalam mengimarahkan bulan penuh ke-

berkatan itu dengan pelbagai aktiviti bermanfaat kepada warga UMP terutama pelajar-jarinya.

"Amalan berbuka puasa beramai-ramai di masjid sejak beberapa tahun lalu terus dilaksanakan kerana sentiasa mendapat sambutan

menggalakkan warga universiti," katanya.

Sementara itu, Dr Mahyudin berkata, pihaknya masih mengekalkan konsep yang sama iaitu memasak mengikut jadual bagi penyediaan juadah berbuka puasa secara bergotong-royong mengikut setiap jabatan atau fakulti.

"Pelajar membantu dalam aktiviti penyediaan makanan untuk hidangan berbuka. Antara menu yang disediakan ialah nasi putih, gulai kawah, sayur campur, ayam masak merah, bubur lambuk dan ayam masak kurma mengikut jadual ditetapkan," katanya.

Katanya, hidangan berbuka puasa itu boleh dinikmati hingga 1,400 pelajar manakala juadah sahur disediakan untuk 200 hingga 300 pelajar di UMP Gambang dan Pekan.

Orang ramai ingin menyumbang untuk Tabung MyGift UMP boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari laman sesawang mygift.ump.edu.my.